

## **KESAN PELAKSANAAN GST: KEPERLUAN PENETAPAN SEMULA HAD KIFAYAH**

**Fadilah Mat Nor, Aza Shahnaz Azman, & Nurauliani Jamlus Rafdi**  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **ABSTRAK**

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bermula April 2015 sememangnya telah mula memperlihatkan kesannya seawal hari pertama ia dikuatkuasakan. Kesan yang dilihat sangat signifikan terhadap perbelanjaan pengguna terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Isu dan tujuan utama penulisan makalah ini adalah untuk membincangkan kesan pelaksanaan GST terhadap perbelanjaan asnaf fakir dan miskin secara umum. Dimana hasil perbincangan ini menjangkakan beberapa keperluan yang perlu dilihat bagi memastikan agihan zakat terhadap asnaf fakir dan miskin lebih relevan dan munasabah.


**Kata kunci:** GST, Perbelanjaan, Asnaf Zakat, Pengguna, Kos Sara Hidup

### **PENGENALAN**

Penguatkuasaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sejak 1 April 2015 lalu nyata mendapat reaksi yang pelbagai dari segenap lapisan masyarakat. Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Koperasi (KPDNKK) sebanyak 6839 aduan telah direkodkan pada awal penguatkuasaannya dimana aduan terhadap kenaikan barang makanan mencatat peratusan paling tinggi iaitu lebih kurang 40% daripada jumlah aduan. Namun jumlah aduan terhadap GST dikhabarkan telah turun sebanyak 90% pada akhir tahun ini. Pun begirunya penurunan ini tidak boleh menjadi kayu ukur kesediaan dan penerimaan pengguna terhadap cukai ini. Kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi melihat tahap penerimaan isi rumah terhadap isu ini.

Kesan pelaksanaan GST telah banyak juga dibincangkan oleh ahli akademik, pakar ekonomi serta pengguna yang kini lebih bijak dalam menganalisa situasi dan isu ekonomi Negara. Antara yang paling kerap dibincangkan adalah kesan pelaksanaan GST terhadap kos sara hidup isi rumah yang dilihat semakin meningkat dari masa ke semasa. *Penang Institut* baru-baru ini telah menjalankan satu kajian mengenai kesan pelaksanaan GST di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ia akan membebankan rakyat yang berpendapatan rendah. Beban yang paling tinggi bukannya ditanggung oleh masyarakat yang berpendapatan sangat rendah atau berpendapatan sangat tinggi. Ianya ditanggung oleh golongan yang berpendapatan pertengahan bawah. Rakyat miskin mereka tidak akan mengalami kesulitan kerana barangan yang digunakan oleh mereka tidak dikenakan cukai oleh kerajaan. Tetapi sedikit sebanyak ianya akan memberi kesan jangka panjang dimana harga barang akan naik dan memberi kesan kepada kemampuan membeli mereka.

**Jenis Aduan Diterima KPDNKK  
dari 1 Januari - 25 Jun 2015**



Manakala bagi golongan yang berpendapatan tinggi, mereka tidak mempunyai masalah kerana mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membeli barangan yang dikenakan cukai. Hal ini dapat dibuktikan dengan Jadual 1 yang menunjukkan MPC isi rumah yang berpendapatan rendah tetap lebih tinggi dibandingkan dengan kumpulan pendapatan yang lain. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa golongan berpendapatan pertengahan bawah adalah terdiri daripada kaum Melayu yang berpendapatan rendah berbanding kaum bukan Melayu.

**Jadual 1: Kecenderungan Menggunakan Sut (MPC) Isi Rumah Mengikut Kumpulan Pendapatan Di Malaysia**

Income group	RM0-1000	RM1000-2000	RM2000-3000	RM3000-4000	RM4000-5000	RM5000-10000	Above RM10000
MPC	0.81	0.73	0.54	0.49	0.47	0.38	0.18

*Sumber:* Bank Negara Malaysia

Jadual 1 menunjukkan kecenderungan Menggunakan Sut (MPC) isi rumah mengikut kumpulan pendapatan di Malaysia. Melalui jadual dapat dilihat kumpulan pendapatan RM3000 kebawah cenderung menggunakan barang dan perkhidmatan yang tinggi. Hal ini sebaliknya bagi mereka yang berpendapatan RM5000 keatas mempunyai MPC yang lebih rendah iaitu disekitar 0.38 hingga 0.18. MPC yang tinggi menunjukkan kadar kecenderungan menabung yang rendah (MPS) berikutan keupayaan menggunakan hamper keseluruhan pendapatan bulanan untuk membeli barang dan perkhidmatan. Oleh itu menyebabkan keupayaan menabung semakin rendah atau mungkin tiada baki langsung untuk menyimpan.

Daripada Jadual 2 juga menunjukkan statistik yang mempunyai kaitan dengan kecenderungan menggunakan sut bagi kumpulan berpendapatan rendah. Pada Tahun 2014/2015 Lembaga Zakat

Selangor telah menggunakan Had Kifayah seperti yang telah dibentangkan di dalam Jadual 2. Jumlah Had Kifayah bagi sebuah keluarga adalah RM1850 dimana nilai ini masih dibawah golongan yang mempunyai pendapatan rendah. Dimana golongan ini diteagaskan berkecenderungan akan menggunakan/membeli barang dan perkhidmatan dengan lebih tinggi.

**Jadual 2: Jumlah Had Kifayah bagi Asnaf Fakir dan Miskin di Selangor Tahun 2015**

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI ISI RUMAH</b>	<b>JUMLAH HAD KIFAYAH (RM)</b>
1	Ketua Keluarga	895
2	Pasangan	415
3	Dewasa tidak Bekerja (18 tahun ke atas)	235
4	Anak Umur 7-17 tahun	185
5	Anak Umur 0-6 tahun	120
	<b>Tambahan Kes Khas</b>	
6	Tanggungan Anak Cacat	200
7	Penjagaan Anak	190
8	Kos Perubatan Sakit Kronik	200

## **METODOLOGI KAJIAN**

Secara amnya, kertas kerja ini menggunakan beberapa data sekunder dari pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan JAWHAR serta beberapa laman sesawang rasmi beberapa agensi lain. Kaedah penyelidikan mengumpulkan data tertentu seterusnya dianalisis bagi memberi gambaran terhadap isu. Sekaligus memberi maklumat dan kefahaman terhadap perlunya isu ini dibincangkan dan dikaji dengan lebih lanjut

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Isu dan tujuan utama penulisan makalah ini adalah untuk membincangkan kesan pelaksanaan GST terhadap perbelanjaan asnaf fakir dan miskin secara umum. Dimana hasil perbincangan ini menjangkakan beberapa keperluan yang perlu dilihat bagi memastikan agihan zakat terhadap asnaf fakir dan miskin lebih relevan dan munasabah.

## **PERBINCANGAN: REALITI KOS SARA HDUP KESAN PELAKSANAAN GST**

Kesan pelaksanaan GST telah banyak juga dibincangkan oleh ahli akademik, pakar ekonomi serta pengguna yang kini lebih bijak dalam menganalisa situasi dan isu ekonomi Negara. Antara yang paling kerap dibincangkan adalah kesan pelaksanaan GST terhadap kos sara hidup isi rumah yang dilihat semakin meningkat dari masa ke semasa. Isu kos sara hidup yang meningkat telah lama menjadi topik hangat perbincangan di pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat. Pelaksanaan GST April lalu dan beberapa siri kenaikan harga barang selain makanan seperti bahan api dan pengangkutan awam dilihat ibarat mencurahkan minyak ke dalam api.

**Jadual 3: Had Garis Kemiskinan bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak setakat 2014**

Bil	Kawasan	Jumlah PGK (RM)
1	Semenanjung	720 (Miskin) 430 (Miskin Tegar)
2	Sarawak	830 (Miskin) 520 (Miskin Tegar)
3	Sabah	960 (Miskin) 540 (Miskin Tegar)

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (EPU)

**Jadual 4: Jumlah Bantuan Kewangan yang Diterima oleh Asnaf Fakir dan Miskin Tahun 2014**

Bil	Bantuan Kewangan Bulanan (RM juta)	Perbelanjaan Terhadap Makanan (RM juta)
Fakir	3.488	3.379
Miskin	4.312	4.099


Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Jadual 3 dan 4 menunjukkan garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi dan Jumlah bantuan kewangan yang diterima oleh asnaf fakir dan miskin bagi tahun 2014. Daripada jadual 4 dapat dilihat bahawa jumlah bantuan yang diterima oleh asnaf fakir adalah RM3.488 juta dan 96% daripadanya diperuntukkan untuk keperluan makanan. Bagi golongan miskin pula, sebanyak RM4.312 juta adalah jumlah bantuan kewangan yang diterima dimana 95% daripada jumlah ini digunakan untuk keperluan makanan. Disini kita dapat lihat asnaf sememangnya akan menggunakan lebih seapruh atau semua bayaran bantuan bagi memenuhi keperluan makanan isi rumah mereka. Dengan MPC yang agak tinggi dibandingkan dengan jumlah pendapatan dan jumlah bantuan yang rendah, seharusnya ianya bukanlah amaun yang mencukupi bagi asnaf.

Melalui Rajah 2 pula menunjukkan statistik pembayaran GST, penerimaan Bantuan Rakyat 1 Malaysia dan manfaat cukai mengikut kelas pendapatan. Statistik ini memperlihatkan GST dikenakan kepada semua kelas pendapatan termasuk mereka yang tergolong dalam kalangan asnaf dan miskin iaitu yang berpendapatan rendah. Namun manfaat cukai tersebut secara puratanya hanyalah dapat dinikmati oleh golongan berpendapatan sederhana dan tinggi. Golongan asnaf dan miskin yang berada di bawah pendapatn rendah hanya data menikmati bantuan tidak langsung dari BRIM yang lebih bersifat bayaran pindahan. Jumlah yang diterima dianggap tidak berbaloi kerana golongan fakir dan miskin tetap perlu mengeluarkan cukai sedangkan tidak menikmatinya. Malah pengorbanan setiap nilai ringgit yang dikeluarkan golongan ini adalah lebih tinggi berbanding golongan berpendpaatan tinggi. Contohnya nilai RM50 mempunyai nilai yang amat besar bagi seorang fakir dan miskin dan usaha yang besar diperlukan untuk memperolehinya. Sedangkan bagi golongan berpendapatan tinggi RM50 amat


mudah diperolehi dan jika terpaksa membayarnya sekalipun, ianya mungkin tidak menuntut pengorbanan sebesar golongan berpendapatan rendah.

**Rajah 2: Statistik Jumlah Pembayaran GST, Penerimaan BR1M dan Manfaat Cukai Mengikut Kelas Pendapatan**



Daripada Rajah 3 didapati GST menjadi cukai yang regresif. Bermakna golongan yang terkesan dengan pelaksanaan GST lebih dirasai oleh golongan berpendapatan sederhana iaitu mereka yang berpendapatan di bawah RM5000. Walaubagaimanapun golongan berpendapatan rendah masih merasai manfaat walaupun dalam kadar yang minimum. Rajah ini seolah-olah menunjukkan juga mungkin selepas pelaksanaan GST, golongan yang berpendapatan sederhana juga boleh tersenarai sebagai penerima zakat (baca; layak menerima zakat) disebabkan dilihat langsung tidak mendapat manfaat dari cukai tersebut. Apa yang cuba dikatakan ialah, hal ini memungkinkan bertambahnya asnaf zakat fakir dan miskin berikutan fenomena ini.

**Rajah 3: Kesan Keseluruhan Manfaat BRIM + Cukai Setelah Di Tolak Pembayaran GST Bagi Isi Rumah Mengikut Kelas Pendapatan.**



## KESAN PELAKSANAAN GST – KEPERLUAN MENILAI SEMULA HAD KIFAYAH

Terdapat beberapa perkara yang dilihat sangat relevan untuk dinilai semula selepas membincangkan isu peningkatan perbelanjaan serta kos sara hidup asnaf fakir dan miskin ekoran pelaksanaan GST. Secara amnya pelaksanaan GST meningkatkan kos sara hidup golongan ini bukan sahaja di negeri Selangor malah di seluruh Malaysia. Maka adalah penting untuk melihat semula adakah relevan had kifayah asnaf fakir dan miskin yang telah digunakan di semua negeri amnya dan di Selangor khususnya. Kajian ini telah pun dimulakan oleh Lembaga Zakat Selangor bermula tahun ini.<sup>1</sup>

Justeru makalah ini cuba mencadangkan beberapa faktor yang boleh diambil kira dalam penetapan tersebut. Menurut Mohd Faisal Ibrahim, Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Nasir Ali (2006) telah menyenaraikan beberapa factor yang perlu diambil kira iaitu, pertama, kos sara hidup bandar luar bandar. Tiada had kifayah berasingan antara bandar dan luar bandar sedangkan kos sara hidup adalah berbeza sebelum dan selepas pelaksanaan GST. Oleh yang demikian faktor kos sara hidup asnaf di bandar dan luar bandar perlu diambil kira dan penentuan had kifayah<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Buletin LZS, GST: Keperluan Menilai Semula Had Kifayah

<sup>2</sup> Pengiraan Had Kifayah bagi Kemiskinan di Malaysia: Kajian Kes di Negeri Selangor (Mohd Faisal Ibrahim, Ahmad Fahme Mohd Ali & Mohd Nasir Ali (2006)).

Kedua, faktor kemiskinan bandar berbanding luar bandar. Corak perbelanjaan isi rumah bandar dan luar bandar mungkin berbeza. Corak perbelanjaan isi rumah bandar rumah, pengangkutan dan pendidikan. Semntara perbelanjaan isi rumah luar bandar banyak tertumpu kepada makanan. Ketiga, Jumlah bantuan berdasarkan jantina ketua isi rumah. Ketua isi rumah wanita cenderung mempunyai tanggungjawab yang lebih berbanding ketua isi rumah lelaki. Afrika dan Brazil mengistilahkan kemiskinan di kalangan ketua isi rumah wanita sebagai *feminization of poverty*. Manakala faktor yang keempat, penilaian semula apakah keperluan dan perbelanjaan asnaf mengikut keperluan darurriyat, hajiyyat dan tahsiniyat. Mungkin adalah satu keperluan yang mendesak untuk skuad pembasmi kemiskinan Zakat melakukan tinjauan apadakah keperluan yang disifatkan tiga tahap keperluan ini mengikut reality semasa. Hal ini adalah penting bagi memastikan jumlah dan jenis bantuan yang diberikan selari dengan keperluan asnaf. Contohnya, pada 10 tahun lepas, telefon bimbit hanyalah keperluan hajiyyat tetapi kini mungkin memiliki telefon merupakan keperluan darurriyat.

## KESIMPULAN

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bermula April 2015 sememangnya telah mula memperlihatkan kesannya seawall hari pertama ia dikuatkuasakan. Kesan yang dalam dilihat sangat signifikan terhadap perbelanjaan pengguna terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmanakah kesan pelaksanaan GST terhadap corak perbelanjaan asnaf zakat fakir dan miskin amnya. Kajian adalah berbentuk diskriptif dan menjangkakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan bagi memastikan jumlah bantuan yang diterima lebih relevan sesuai dengan peningkatan kos sara hidup kini. Satu kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi mengkaji corak perbelanjaan asnaf mengikut jenis barang dan perbandingan terhadap jumlah pendapatan sebenar mereka perlu dilakukan. Hal ini penting bagi menilai semula had kifayah yang sesuai dengan perubahan ekonomi Negara yang menuntut kos sara hidup yang tinggi di Selangor dan Malaysia amnya. Kajian tersebut perlu mengambil kira beberapa isu yang dibangkitkan iaitu kos sara hidup, kemiskinan bandar dan luar bandar serta jantina ketua rumah. Keperluan menilai semula apakah keperluan darurriyat, hajiyyat dan tahsiniyah isi rumah.

## RUJUKAN

- Buletin LZS, GST: Keperluan Menilai Semula Had Kifayah  
Ahmad Fahme Mohd Ali & Mohd Faisol Ibrahim. (2015). Determinations of A Muslim Household Poor in Kelantan, Base on Islamic Poverty Line Index (Had Kifayah).  
Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Noradilah Md Nordin & Saharudin Ramli (2013). Had Al-Kifayah Di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia.  
Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz, & Fuadah Johari, (2014). Konsep dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar dan Jantina dalam Pengagihan Zakat.  
Laporan Ekonomi EPU, pelbagai tahun.  
Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor, pelbagai tahun.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Radiah Abdul Kader (2010). Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin: Pendekatan Model Persamaan Berstruktur (SEM).

Mohd Faisol Ibrahim, Ahmad Fahme Mohd Ali, & Mohd Nasir Ali. (2006). Pengiraan Had Kifayah bagi Kemiskinan di Malaysia: Kajian Kes di Negeri Selangor.